

Headline	Diskaun bil elektrik dari 1 April hingga 30 Sept		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	2
ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,167		



## Diskaun bil elektrik dari 1 April hingga 30 Sept

KUALA LUMPUR: Diskaun bil elektrik akan diberi kepada semua pengguna elektrik bagi tempoh enam bulan bermula 1 April hingga 30 September, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata pemberian diskaun bil elektrik itu adalah bagi membantu meringankan beban rakyat, dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar, berikutan kesan penularan wabak Covid-19.

Katanya, kerajaan bersetuju untuk memberi diskaun 15 peratus bagi penggunaan elektrik kepada enam sektor perniagaan terpilih, iaitu hotel; agensi pengembaraan dan pelancongan; kompleks membeli-belah; pusat konvensyen; taman tema; dan pejabat syarikat penerbangan tempatan.

"Diskaun 15 peratus ini melibatkan kira-kira 10,000 pemilik akaun daripada enam sektor perniagaan terpilih yang mengguna-

pakai Tarif Perdagangan sahaja. Pemberian diskaun bagi tempoh ini juga akan memberi impak pengurangan bil elektrik RM40 juta bagi Semenanjung, RM20 juta bagi Sabah dan RM8.5 juta bagi Sarawak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata manfaat itu juga akan dinikmati pengguna komersial, industri dan pertanian dengan memperoleh dua peratus diskaun dalam tempoh yang sama.

"Ia dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.6 juta pemegang akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan penjimatan bil elektrik, dianggarkan berjumlah RM370 juta bagi tempoh enam bulan.

"Bagi Sabah, ia akan memberi manfaat kepada sekitar 99,322 pemilik akaun yang melibatkan anggaran kos RM11.5 juta manakala bagi Sarawak, ia melibatkan anggaran kos RM107.2 juta untuk 100,000 pemilik akaun," katanya.

Beliau berkata semua pengguna domestik dalam kategori domestik atau rumah kediaman, turut menikmati penjimatan bil elektrik melalui pemberian dua peratus, bagi tempoh yang sama.

"Ini bermakna rakyat akan menikmati diskaun dua peratus dalam tempoh tersebut, sebagai tambahan kepada enam peratus yang telah pun dinikmati oleh pengguna domestik pada masa ini. Ia dijangka memberi anggaran penjimatan dalam bil elektrik sebanyak RM92 juta, kepada kira-kira 7.5 juta pemegang akaun TNB.

"Bagi Sabah, ia akan memberi manfaat kepada 520,378 pengguna domestik dengan kos dianggar sekitar RM5.7 juta manakala bagi Sarawak, ia akan memberi manfaat kepada 585,637 pengguna domestik dengan kos dianggarkan sekitar RM6.8 juta," katanya. - Bernama